



جباتن كحاكين شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : mukhyuddin@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 4 (29)
Takwim : 23 Rabi'ul Akhir 1440H
Tarikh : 31 Disember 2018


Y.A.A Ketua -Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN NO. 7 TAHUN 2018

Pengurusan Digital/Elektronik Di Mahkamah Syariah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2018 pada 13 Rabi'ul Awal hingga 15 Rabi'ul Awal 1440H bersamaan 21 November hingga 23 November 2018 di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Wilayah Persekutuan Putrajaya telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung pengurusan digital/elektronik di mahkamah syariah seperti di Lampiran.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.


(DATO' HAJI MUKHYUDDIN BIN HAJI IBRAHIM)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

SYARIAH ASAS KEADILAN



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT.NO: AR 3800

PENGURUSAN DIGITAL/ELEKTRONIK DI MAHKAMAH SYARIAH

PENGENALAN

1. Arahan ini bolehlah dinamakan sebagai Arahan Amalan Mengenai Pengurusan Digital/Elektronik Di Mahkamah Syariah.
2. Arahan ini hendaklah terpakai kepada semua Mahkamah Syariah setakat yang tidak bertentangan dengan undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa serta Hukum Syarak yang menjadikannya tidak sah.

PENGGUNAAN ARAHAN AMALAN

3. (i) Tiada apa pun dalam Arahan Amalan ini yang membolehkan seseorang untuk menggunakan, memberi atau menerima apa-apa mesej digital/elektronik dalam urusan dengan mahkamah melainkan jika orang itu mengizinkan penggunaan, pemberian atau penerimaan mesej elektronik itu.

(ii) Keizinan seseorang untuk mengguna, memberi atau menerima apa-apa mesej elektronik dalam urusan dengan mahkamah boleh disimpulkan daripada perlakuan orang itu.

(iii) Apa-apa perlakuan penerima selepas pemakluman mahkamah disifatkan satu keizinan.

RUJUKAN KEPADA UNDANG-UNDANG BERTULIS LAIN

4. Arahan ini adalah sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan mana-mana undang-undang bertulis lain yang mengawal selia urusan antara mahkamah dengan orang awam.

KESAHAN MESEJ ELEKTRONIK

5. (i) Apa-apa maklumat dalam bentuk digital/elektronik samada secara keseluruhan atau sebahagian adalah sah dan mempunyai kesan undang-undang.
- (ii) Apa-apa maklumat tidak boleh dinafikan kesan undang-undang, kesahan atau kebolehlaksanaan atas alasan bahawa maklumat itu tidak terkandung dalam mesej elektronik yang membangkitkan kesan undang-undang itu, dengan syarat bahawa maklumat yang dirujuk itu boleh dicapai oleh orang yang terhadapnya maklumat yang dirujuk itu mungkin digunakan.

TULISAN

6. Jika mana-mana undang-undang menghendaki maklumat secara bertulis, kehendak undang-undang tersebut adalah dipenuhi sekiranya maklumat tersebut boleh dicapai dan difahami bagi digunakan untuk rujukan seterusnya.

TANDATANGAN

7. Jika mana-mana undang-undang menghendaki tandatangan seseorang di atas suatu dokumen, kehendak undang-undang itu dipenuhi, jika dokumen itu adalah dalam bentuk suatu mesej elektronik, oleh suatu tandatangan digital yang—
 - (a) dilampirkan kepada atau dikaitkan secara logik dengan mesej elektronik itu;
 - (b) mengenal pasti secukupnya orang itu dan menunjukkan secukupnya kelulusan orang itu terhadap maklumat yang berhubungan dengan tandatangan itu; dan
 - (c) adalah boleh dipercayai sewajarnya memberikan maksud bagi, dan hal keadaan yang tandatangan itu dikehendaki jika—

- (i) cara menghasilkan tandatangan elektronik itu dikaitkan dengan dan di bawah kawalan orang itu sahaja;
- (ii) apa-apa perubahan yang dibuat kepada tandatangan elektronik itu selepas masa penandatanganan itu boleh dikesan; dan
- (iii) apa-apa perubahan yang dibuat kepada dokumen itu selepas masa penandatanganan itu boleh dikesan.

TANDATANGAN DIGITAL

8. Jika undang-undang menghendaki tandatangan dalam mana-mana dokumen, ia boleh dilaksanakan melalui tandatangan digital jika —
- (a) tandatangan digital itu disahbetulkan dengan merujuk kepada kunci awam yang disenaraikan dalam perakuan sah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan berlesen;
 - (b) tandatangan digital itu telah ditambah (*affixed*) oleh penandatanganan dengan niat untuk menandatangani mesej itu; dan
 - (c) penerima tidak mempunyai pengetahuan bahawa penandatanganan itu—
 - (i) telah melanggar kewajipan sebagai pelanggan; atau
 - (ii) tidak memegang kunci persendirian yang digunakan untuk menambah tandatangan digital itu secara sah.

MESEJ YANG DITANDATANGANI SECARA DIGITAL DISIFATKAN SEBAGAI DOKUMEN BERTULIS

9. Suatu mesej hendaklah sah, berkuat kuasa dan berkesan seolah-olah ia telah ditulis atas kertas jika—
- (a) ia mengandungi secara keseluruhannya suatu tandatangan digital; dan

- (b) tandatangan digital itu disahbetulkan oleh kunci awam yang disenaraikan dalam perakuan yang—
 - (i) telah dikeluarkan oleh suatu pihak berkuasa pemerakuan berlesen; dan
 - (ii) sah pada masa tandatangan digital itu dihasilkan.

MESEJ YANG DITANDATANGANI SECARA DIGITAL DISIFATKAN SEBAGAI DOKUMEN ASAL

10. Suatu salinan mesej yang ditandatangani secara digital adalah sah,berkuat kuasa dan berkesan seperti asal mesej itu.

METERAI

11. Jika mana-mana undang-undang menghendaki meterai dicapkan pada suatu dokumen, kehendak undang-undang itu dipenuhi jika dokumen itu adalah dalam bentuk suatu mesej elektronik, oleh suatu tandatangan digital sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Tandatangan Digital 1997.

BENTUK ASAL

12. (1) Jika mana-mana undang-undang menghendaki mana-mana dokumen dalam bentuk asalnya, kehendak undang-undang itu dipenuhi oleh suatu dokumen dalam bentuk suatu mesej elektronik jika—
- (a) wujud suatu jaminan yang boleh dipercayai mengenai integriti maklumat yang terkandung dalam mesej elektronik itu daripada masa ia mula-mula dihasilkan dalam bentuknya yang muktamad; dan
 - (b) mesej elektronik itu boleh dicapai dan boleh difahami bagi membolehkannya digunakan untuk rujukan yang berikutnya.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(a)—

(a) kriteria bagi menilai integriti maklumat itu hendaklah sama ada maklumat itu kekal lengkap dan tidak diubah, selain penambahan apa-apa pengendorsan atau apa-apa perubahan yang timbul dalam perjalanan biasa komunikasi, penyimpanan dan paparan; dan

(b) standard kebolehpercayaan yang dikehendaki hendaklah dinilai berdasarkan kepada maksud dokumen itu dihasilkan dan berdasarkan kepada semua hal keadaan lain yang berkaitan.

SALINAN DIAKUI SAH

13 Jika mana-mana undang-undang menghendaki pengemukaan salinan dokumen diakui sah, kehendak undang-undang itu dipenuhi jika dokumen itu dikemukakan dalam bentuk suatu mesej elektronik dan memenuhi kehendak di bawah para 12 Arahan ini.

SALINAN

14. Jika mana-mana undang-undang menghendaki mana-mana dokumen disimpan, disampaikan, dihantar atau diserahkan dalam lebih daripada satu salinan, kehendak undang-undang itu dipenuhi jika dokumen itu adalah dalam bentuk suatu mesej elektronik, dengan penyimpanan, penyampaian, penghantaran atau penyerahan dokumen itu dalam satu salinan.

PENGEMUKAAN DOKUMEN

15. (1) Jika mana-mana undang-undang menghendaki pemfailan atau pengemukaan apa-apa dokumen, kehendak undang-undang itu dipenuhi jika dokumen itu difailkan atau dikemukakan dalam bentuk suatu mesej elektronik, jika mesej elektronik itu boleh dicapai dan boleh difahami bagi membolehkannya digunakan untuk rujukan yang berikutnya.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), jika apa-apa bentuk yang ditetapkan ditentukan secara elektronik, pemfailan atau pengemukaan dokumen itu hendaklah menurut bentuk yang ditentukan itu.

BENTUK YANG DITETAPKAN

16. Jika mana-mana undang-undang menghendaki mana-mana dokumen dalam suatu bentuk yang ditetapkan, kehendak undang-undang itu dipenuhi oleh suatu dokumen dalam bentuk suatu mesej elektronik jika mesej elektronik itu—
- (a) diformat mengikut cara yang sama atau sebahagian besarnya sama dengan bentuk yang ditetapkan;
 - (b) boleh dicapai dan boleh difahami bagi membolehkannya digunakan untuk rujukan yang berikutnya; dan
 - (c) berupaya disimpan oleh orang yang satu lagi.

KEHENDAK UNTUK MENGELUARKAN PERINTAH, PENGHAKIMAN ATAU APA-APA ARAHAN MAHKAMAH

17. Jika mana-mana undang-undang bertulis menghendaki pengeluaran apa-apa perintah, penghakiman, apa-apa arahan mahkamah, kebenaran atau dokumen, kehendak undang-undang itu dipenuhi jika perintah, penghakiman, apa-apa arahan mahkamah kebenaran atau dokumen itu dikeluarkan dalam bentuk suatu mesej elektronik dengan syarat bahawa mesej elektronik itu boleh dicapai dan boleh difahami bagi membolehkannya digunakan untuk rujukan yang berikutnya.

PENYIMPANAN DOKUMEN

18. Jika mana-mana undang-undang bertulis menghendaki mana-mana dokumen disimpan, kehendak undang-undang itu dipenuhi dengan penyimpanan dokumen itu dalam bentuk suatu mesej elektronik jika mesej elektronik itu—

- (a) disimpan dalam format yang ia dihasilkan, dihantar atau diterima, atau dalam suatu format yang tidak mengubah secara material maklumat yang terkandung dalam mesej elektronik yang asalnya telah dihasilkan, dihantar atau diterima;
- (b) boleh dicapai dan boleh difahami bagi membolehkannya digunakan untuk rujukan yang berikutnya; dan
- (c) dikenal pasti asal usul dan destinasi mesej elektronik itu dan tarikh dan masa ia dihantar atau diterima.

DAFTAR ELEKTRONIK

19. (1) Jika mana-mana undang-undang menghendaki suatu daftar diwujudkan, dikendalikan atau disenggarakan, kehendak undang-undang itu dipenuhi jika daftar itu adalah dalam bentuk suatu mesej elektronik dan kandungannya tidak boleh diubah dengan apa-apa cara oleh mana-mana orang yang mentadbir daftar itu yang mempunyai kuasa di sisi undang-undang untuk mengubah daftar itu.
- (2) Apa-apa carian yang dibuat ke atas daftar yang diwujudkan, dikendalikan dan disenggarakan melalui suatu mesej elektronik hendaklah mempunyai kesahan undang-undang yang sama seperti suatu daftar yang dirujukkan dalam Akta yang ditetapkan.

PENYAMPAIAN DAN PENYERAHAN

20. (1) Jika mana-mana undang-undang menghendaki mana-mana dokumen disampaikan, dihantar atau diserahkan, kehendak undang-undang itu dipenuhi dengan penyampaian, penghantaran atau penyerahan dokumen itu melalui suatu cara elektronik jika terdapatnya suatu sistem memproses maklumat—
- (a) untuk mengenal pasti asal usul, destinasi, masa dan tarikh penyampaian, penghantaran atau penyerahan; dan
 - (b) bagi pengakuteraan, dokumen itu.

(2) Perenggan ini tidak terpakai bagi mana-mana proses pemulaan prosiding, saman, notis permohonan, apa-apa pliding, affidavit atau dokumen lain yang dikehendaki disampaikan menurut suatu prosiding undang-undang.

PENYERAHAN SENDIRI

21. Jika mana-mana undang-undang menghendaki suatu dokumen dikemukakan atau diserahkan secara sendiri, kehendak undang-undang itu dipenuhi jika dokumen itu dikemukakan mengikut perenggan 16 berserta suatu tandatangan elektronik.

PEMBAYARAN

22. Jika mana-mana undang-undang menghendaki apa-apa pembayaran dibuat, kehendak undang-undang itu dipenuhi jika pembayaran itu dibuat secara elektronik dan mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Kerajaan.

RESIT

23. Jika mana-mana undang-undang menghendaki pengeluaran apa-apa resit pembayaran, kehendak undang-undang itu dipenuhi jika resit itu adalah dalam bentuk suatu mesej elektronik dan mesej elektronik itu boleh dicapai dan boleh difahami bagi membolehkannya digunakan untuk rujukan yang berikutnya.

24. (1) Suatu mesej elektronik adalah kepunyaan pemula jika ia dihantar oleh pemula sendiri.

(2) Antara pemula dengan penerima, suatu mesej elektronik disifatkan sebagai kepunyaan pemula jika ia dihantar oleh—

(a) orang yang mempunyai kebenaran untuk bertindak bagi pihak pemula berkenaan dengan mesej elektronik itu; atau

- (b) suatu sistem memproses maklumat yang diprogramkan oleh, atau bagi pihak, pemula untuk beroperasi secara automatik.
- (3) Antara pemula dengan penerima, penerima itu berhak untuk menganggap suatu mesej elektronik itu adalah kepunyaan pemula, jika—
 - (a) kaedah pengesahan untuk menentukan mesej elektronik tersebut dihantar oleh pemula dipersetujui oleh penerima.
 - (b) kaedah pengesahan untuk menentukan mesej elektronik tersebut dihantar oleh wakil pemula dipersetujui oleh penerima.
- (4) Subperenggan (3) tidak terpakai jika—
 - (a) penerima telah menerima suatu notis daripada pemula bahawa mesej elektronik itu bukanlah kepunyaan pemula dan penerima mempunyai masa yang munasabah untuk bertindak sewajarnya; atau
 - (b) penerima sepatutnya mengetahui bahawa mesej elektronik itu bukanlah kepunyaan pemula melalui apa-apa kaedah pengesahan yang dipersetujui antara pemula dengan penerima.

KANDUNGAN MESEJ ELEKTRONIK

25. Jika penerima telah menerima suatu mesej elektronik daripada pemula mengikut subperenggan 24(1), maka penerima berhak untuk menganggap kandungan mesej tersebut adalah daripada pemula melainkan jika penerima sepatutnya mengetahui melalui apa-apa tatacara yang dipersetujui telah berlaku apa-apa kesilapan.

SETIAP MESEJ ELEKTRONIK DIANGGAP BERASINGAN

26. Jika seseorang penerima menerima suatu mesej elektronik mengikut subperenggan 24(1), penerima berhak menganggap bahawa setiap mesej elektronik yang diterima tersebut sebagai mesej yang berasingan, melainkan jika penerima sepatutnya mengetahui, melalui apa-apa tatacara yang dipersetujui, bahawa mesej elektronik itu merupakan suatu pendua.

MASA PENGIRIMAN

27. Suatu mesej elektronik disifatkan dihantar apabila ia memasuki suatu sistem memproses maklumat di luar kawalan pemula melainkan jika dipersetujui selainnya antara pemula dengan penerima.

MASA PENERIMAAN

28. (a) Jika penerima telah menetapkan, suatu sistem memproses maklumat bagi maksud menerima mesej elektronik, mesej tersebut disifatkan diterima apabila ia memasuki sistem memproses maklumat yang ditetapkan itu melainkan jika dipersetujui selainnya atau,
- (b) jika penerima tidak menetapkan suatu sistem memproses maklumat bagi maksud menerima mesej elektronik, mesej tersebut disifatkan diterima apabila ia sampai ke pengetahuan penerima melainkan jika dipersetujui selainnya.

TEMPAT PENGIRIMAN

29. Melainkan jika dipersetujui selainnya antara pemula dan penerima, suatu mesej elektronik disifatkan dihantar dari tempat urusan pemula, dan—
- (a) Jika pemula mempunyai lebih daripada satu tempat urusan, mesej elektronik tersebut disifatkan dihantar dari tempat urusan yang mempunyai hubungan yang terdekat dengan urusan itu ; atau
- (b) Jika pemula mempunyai lebih daripada satu tempat urusan, tetapi tiada tempat urusan yang mempunyai hubungan terdekat dengan urusan itu mesej elektronik tersebut disifatkan dihantar dari tempat utama urusan pemula; atau
- (c) jika pemula tidak mempunyai suatu tempat urusan, mesej elektronik disifatkan dihantar dari tempat tinggal biasa pemula.

TEMPAT PENERIMAAN

30. Melainkan jika dipersetujui selainnya antara pemula dan penerima, suatu mesej elektronik disifatkan diterima dari tempat urusan penerima, dan—
- (a) Jika penerima mempunyai lebih daripada satu tempat urusan, mesej elektronik tersebut disifatkan diterima dari tempat urusan yang mempunyai hubungan yang terdekat dengan urusan itu ; atau
 - (b) Jika penerima mempunyai lebih daripada satu tempat urusan, tetapi tiada tempat urusan yang mempunyai hubungan terdekat dengan urusan itu mesej elektronik tersebut disifatkan diterima dari tempat utama urusan penerima; atau
 - (c) jika penerima tidak mempunyai suatu tempat urusan, mesej elektronik disifatkan diterima dari tempat tinggal biasa penerima.

PENGAKUTERIMAAN

31. (1) Arahan ini terpakai jika, semasa atau sebelum menghantar suatu mesej elektronik, atau dalam mesej elektronik itu sendiri, pemula telah meminta atau bersetuju dengan penerima bahawa penerimaan mesej elektronik itu hendaklah diaku terima.
- (2) Jika pemula telah meminta atau bersetuju dengan penerima bahawa penerimaan mesej elektronik itu hendaklah diaku terima, mesej elektronik itu dianggap seolah-olah tidak pernah dihantar sehinggalah pengakuteraan itu diterima.
- (3) Jika pemula tidak bersetuju dengan penerima bahawa pengakuteraan itu hendaklah diberi dalam suatu bentuk tertentu atau melalui suatu cara yang tertentu, suatu pengakuteraan boleh diberi melalui—
- (a) apa-apa komunikasi oleh penerima, automatik atau selainnya; atau
 - (b) apa-apa kelakuan penerima yang mencukupi untuk menunjukkan kepada pemula bahawa mesej elektronik itu telah diterima.

(4) Jika pengakuteraan tidak diterima oleh pemula dalam masa yang ditentukan atau dipersetujui atau, jika tiada masa ditentukan atau dipersetujui, pemula boleh dalam masa yang munasabah—


(a) memberi notis kepada penerima yang menyatakan bahawa tiada pengakuteraan telah diterima dan menentukan suatu masa yang munasabah untuk pengakuteraan; dan

(b) jika pengakuteraan itu tidak diterima dalam masa yang ditentukan dalam perenggan (a), memberi notis kepada penerima untuk mengangap mesej elektronik itu seolah-olah tidak pernah dihantar dan menjalankan apa-apa hak lain yang dia ada.

(5) Jika pemula menerima pengakuteraan penerima, adalah dianggap bahawa mesej elektronik yang berkaitan telah diterima oleh penerima.

(6) Jika pengakuteraan yang diterima itu menyatakan bahawa mesej elektronik yang berkaitan memenuhi kehendak teknikal, sama ada yang dipersetujui atau dikemukakan dalam standard yang terpakai, adalah dianggap bahawa kehendak itu telah dipenuhi.

Bertarikh: **31** Disember 2018


(DATO' HAJI MUKHYUDDIN BIN HAJI IBRAHIM)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA